

D-8 dipelawa manfaat kewangan Islam, industri halal

Daripada ISMAIL DAUD

BALI 13 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempelawa anggota-anggota Lapan Negara Membangun (D-8) memanfaatkan industri perkhidmatan kewangan Islam serta industri makanan dan perkhidmatan halal yang dibangunkan oleh Malaysia untuk memacu ekonomi mereka.

Berucap pada Sidang Kemuncak D-8 kelima di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kedua-dua industri itu mempunyai potensi yang sangat besar kerana pasaran dalam kalangan umat Islam seluruh dunia berjumlah 1.8 bilion.

Kedua-dua industri ini mempunyai potensi yang sangat besar kerana pasaran dalam kalangan umat Islam seluruh dunia berjumlah 1.8 bilion

- Abdullah Ahmad Badawi

● Lagi berita di muka 2

Menurutnya, walaupun perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia merupakan satu bentuk sistem kewangan alternatif pada mulanya tetapi selepas 40 tahun, ia berkembang pesat sehingga diamalkan di

lebih 60 negara termasuk negara-negara maju.

Berikutan kejayaan itu, katanya, Malaysia akan menubuhkan Pusat Antarabangsa Untuk Pendidikan dalam Perbankan Islam (INCEIF)

Ogos ini, bertujuan melahirkan profesional dan tenaga pakar dalam bidang kewangan Islam.

Katanya, ia bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dalam perkhidmatan yang berkembang pesat itu.

Menurut Abdullah, badan itu juga akan menjadi barisan hadapan dalam membangunkan produk kewangan Islam yang lebih inovatif dan negara-negara D-8 perlu mengambil peluang yang ditawarkan oleh INCEIF.

"Marilah kita bekerja bersama-sama bukan sahaja untuk mempertingkatkan keupayaan dalam sistem kewangan Islam tetapi bersama-sama menerajui perkembangan

sektor yang penting ini," katanya.

D-8 dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Iran, Turki dan Mesir.

Dalam industri halal pula, Abdullah berkata, perkiraan kasar menunjukkan pasaran produk halal di kalangan umat Islam bernilai RM2,088 bilion setahun, tidak termasuk perkhidmatan bukan makanan.

Katanya, menyedari potensi itu, Malaysia menubuhkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan standard MS1500:2004 sebagai penanda aras di peringkat antarabangsa untuk persijilan pro-

● Lihat muka 3